

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER
A/L RAJAJI (JELUTONG)**

SOALAN NO. 405

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan Persekutuan untuk memupuk sikap toleransi dan perpaduan kaum di Malaysia.

JAWAPAN

Yang Di Pertua,

Dalam usaha Kerajaan bagi meningkatkan persefahaman dan keharmonian di kalangan penganut-penganut pelbagai agama di negara ini, Kerajaan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN) telah melaksanakan pelbagai langkah seperti berikut :

- 1) Menubuhkan Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Antara Penganut Agama (JKMPKA) yang menunjukkan keikhlasan kerajaan dalam usaha ke arah mempromosikan keharmonian dan persefahaman antara rakyat Malaysia yang terdiri dari penganut pelbagai agama memandangkan agama mudah dimanupulasikan sehingga menjadi isu sensitif dan membawa kepada konflik antara kaum. Justeru, JKMPKA diwujudkan bagi meningkatkan kefahaman terhadap pelbagai agama, membincangkan isu-isu yang boleh menggugat keharmonian agama dan ketenteraman masyarakat. JKMPKA juga mencadangkan dasar-dasar kerajaan yang berteraskan

nilai agama serta melaksanakan aktiviti kemasyarakatan bersama-sama pihak kerajaan.

- 2) Satu Pelan Strategik telah dibangunkan oleh JKMPKA yang menggariskan mengenai pengurusan isu dan penganjuran program yang merangkumi pelbagai kaedah pelaksanaan seperti dialog, forum, seminar, bengkel serta sambutan hari kebesaran pelbagai agama melibatkan penyertaan rakyat Malaysia yang berbilang kaum.
- 3) Badan-badan bukan kerajaan (NGOs) dan pemimpin-pemimpin agama melalui platform JKMPKA juga mengambil inisiatif sendiri untuk menganjurkan dan menyertai pelbagai forum, sesi perbincangan, dialog keagamaan dan kegiatan bersama atas galakan dan bantuan PERPADUAN. Pada tahun 2018, JKMPKA dengan kerjasama PERPADUAN dan pelbagai badan bukan kerajaan (NGOs) serta lain-lain agensi kerajaan telah melaksanakan pelbagai program dengan melibatkan seramai 6,000 orang masyarakat pelbagai agama dan kaum di Malaysia.
- 4) PERPADUAN dengan kerjasama JKMPKA juga telah menganjurkan program di peringkat Kebangsaan seperti Sambutan Minggu Keharmonian antara Penganut Agama Sedunia (*World Interfaith Harmony Week – WIHW*) dan Hari Toleransi Sedunia (*International Day for Tolerance*) di mana kedua-dua sambutan ini telah diisytiharkan oleh Pertubuhan Badan-Badan Bersatu (PBB) bagi menggalakkan persefahaman dan dialog antara agama serta memupuk dan mendidik masyarakat umum ke arah toleransi, keharmonian dan keamanan sejagat.
- 5) Penganjuran program-program ini menunjukkan bahawa:

- i) Agama bukanlah penghalang dalam usaha mewujudkan kesepaduan sosial dalam kalangan masyarakat Malaysia pelbagai kaum dan agama.
- ii) Ianya juga memupuk kesedaran dan meningkatkan penghayatan Prinsip Pertama Rukun Negara iaitu “Kepercayaan Kepada Tuhan” yang menjadi panduan dan pedoman hidup bermasyarakat pelbagai kaum dan agama di Malaysia. Prinsip ini menekankan kepada pegangan terhadap nilai-nilai murni dalam

ajaran agama masing-masing seperti amalan bertoleransi dan seterusnya mencorak kehidupan yang harmoni dan sejahtera.

iii) Penyertaan peserta pelbagai kaum dan agama dalam program-program ini telah menyuburkan lagi perasaan muhibah dan mengembangkan sikap toleransi serta menolak sebarang sikap ekstrem yang cenderung terhadap penghinaan kepada agama lain.

Penghayatan terhadap mesej yang telah disampaikan semasa pelaksanaan program-program ini hanya boleh dihayati dengan baik dan dirasai oleh masyarakat peringkat akar umbi jika semua pihak memainkan peranan terutamanya pihak media harus berganding bahu dengan pihak kerajaan bagi meningkatkan usaha mereka dalam menyemarakkan semangat perpaduan melalui hebahan dan promosi yang dibuat agar mesej perpaduan dan kebersatuhan yang ingin diwar-warkan dapat difahami, dihayati dan diamalkan bersama oleh semua lapisan masyarakat Malaysia tanpa sebarang prejedis dan sikap *ethnocentrism*.

Sekian, terima kasih.